

19/10/1999

FCAM sokong kepemimpinan Dr M

KUALA LUMPUR, Isnin - Pucuk pimpinan baru Gabungan Persatuan Cina Malaysia (FCAM) menyatakan sokongan padu kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) dan kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memastikan kesinambungan pembangunan ekonomi dan keamanan negara.

Komitmen itu disampaikan Pengerusi FCAM, Datuk Chong Chin Shoong kepada Presiden Parti Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dalam perjumpaan hampir tiga jam di ibu pejabat parti berkenaan malam tadi.

Menurut Keng Yaik, perjumpaan itu mengukuhkan pendirian FCAM akan terus menyokong kepemimpinan Dr Mahathir.

"Pucuk pimpinan kerajaan BN selama ini sudah membuktikan kewibawaan membangunkan negara tanpa menjejaskan keamanan atau menggugat kestabilan politik dan hakikat ini diakui dan dihargai FCAM.

"FCAM juga mengengahkan satu memorandum merangkumi beberapa permintaan serta masalah semasa yang kini dihadapi masyarakat Cina tempatan untuk dibincang secara terperinci sebelum dikemukakan kepada kerajaan.

Antara lain, memorandum itu membangkitkan isu sosial, kebudayaan dan pendidikan masyarakat itu selain masalah kekurangan tanah perkuburan.

"Sehubungan itu, Gerakan akan membuat saranan kepada kerajaan bagi menerima kemasukan FCAM dalam Majlis Perundingan Ekonomi Kedua (Mapen II) untuk menyelesaikan isu terbabit," katanya dalam sidang akhbar selepas perjumpaan antara kedua-dua pihak itu.

Awal bulan lalu, 11 daripada anggota FCAM mencetuskan kontroversi apabila bertindak mengemukakan petisyen 17 perkara yang meminta kerajaan memenuhi permintaan tertentu jika mahukan sokongan masyarakat Cina dalam pilihan raya akan datang.

Pucuk pimpinan kerajaan BN, khususnya dalam Umno kurang senang dengan tindakan itu yang disifatkan sebagai tuntutan, malah Dr Mahathir sendiri menegaskan kerajaan tidak akan tunduk kepada ugutan itu.

Menurut Keng Yaik, salah faham mengenai petisyen itu hanya dapat diselesaikan menerusi rundingan secara rasional bagi memastikan semua anggota komponen BN mendapat gambaran jelas mengenai isu itu.

(END)